

Orang Islam yang Terkemuka

Musa bin Nusayr

(3)

Musa bin Nusayr, bukanlah seorang yang nekad mengadu nasib, atau perompak, atau pun orang yang hanya mengumpulkan sebanyak-banyaknya rampasan perang, tetapi ia seorang pahlawan Islam dari kalangan (orang-orang *tabi'in*) yang telah menurut jejak-jejak sahabat-sahabat Nabi dengan cara yang sebaik-baiknya. Ia seorang mubaligh yang menyebarkan Islam dalam sebuah negeri – negeri Barbar di Afrika Utara – yang telah kukuh di dalamnya penyembahan berhala dan diperintahkan oleh raja perempuan ahli sihir.

Musa bin Nusayr telah meletakkan berbelas-belas ribu orang Arab dalam kalangan orang-orang Barbar di Afrika Utara untuk mengajar mereka membaca Qur'an, mendidik mereka dengan akhlak dan kebudayaan Islam, dan mendalami pengetahuan mereka dengan ilmu dan hukum-hukum Islam.

Demikian kata al-Ustadh Muhammad Abdul Ghani Hasan, Mesir, dalam bukunya (Musa bin Nusayr).

(Terjemahan: Abdullah Basmeh)

Florinda Yang Rupawan
Di seberang laut, bertentang dengan negeri Maghribi, terletak semenanjung Sepanyol di benua Eropah, bersempadankan pergunungan (Pyrenees) yang memisahkannya dengan negeri Perancis. Semenanjung yang luas ini, terkenal dengan nama semenanjung (Iberia). Orang Arab menamakannya (al-Andalus). (Pada hari ini semenanjung itu mengandungi dua buah negeri: Negeri Spain dan negeri Portugal).

Baik sahaja perkataan (Andalus) itu diambil dari nama satu kaum yang telah menduduki semenanjung itu pada zaman Farab, atau dari perkataan (Bindalus) atau (Vindalus) nama satu kaum dari utara Eropah yang telah

turun ke semenanjung itu pada kurun yang ke lima sebelum masihi, sehingga sampai di selat yang terkenal dengan nama selat Gibraltar hari ini, maka perkataan (al-Andalus) (Andalus) itu bukanlah berasal dari perkataan Arab, dan tidak pernah dipakai oleh orang-orang Arab melainkan dalam zaman Islam.

Sebelum dibuka oleh orang Arab, negeri Andalus diduduki oleh orang-orang Quth (Goth) yang telah menguasainya setelah mereka memerangi orang Rom dan mengepung (bandar Rom) dalam kurun masihi yang ketiga selepas itu mereka mendirikan sebuah kerajaan yang berpusat di Bandar ((Toledo)) (Toledo).

Raja yang akhir sekali dari kerajaan Goth di negeri

Andalus dalam zaman Musa bin Nusayr bernama (Wittiza) atau (Ghaitisyah) menurut sebutan ahli sejarah arab). -P). Setelah raja itu mangkat dan anak-anaknya masih kecil, maka peluang itu direbut oleh seorang dari kalangan orang besar yang telah berjaya mencari penyokong-penyokong dan melantik dirinya menjadi raja. Orang itu bernama (Roderic)((Roderic)) (atau ((Lazrik)) menurut sebutan ahli-ahli sejarah Arab - P.).

Walaupun ia telah berjaya menduduki takhta kerajaan tetapi sekalian penduduk mengetahui bahawa ia seorang perampas kuasa yang telah menyamun mahkota dari tuannya. Tetapi Roderic tidak mengenal dalam hal itu melainkan kepuasan yang menjadikan perkara yang salah itu betul, dan yang dusta itu benar.

Bukan pula Roderic seorang raja yang baik cara pemerintahannya. Ia telah berlaku zalim dan menindas rakyatnya. Julian (Julian), seorang pegawai tingginya dalam daerah Sebtah, yang terletak di tepi laut di Afrika-berhadapan dengan selat Gibraltar, tidak juga terlepas dari kejahatannya.

((Sebtah)) pada masa itu ialah sebuah pelabuhan di Afrika yang dikuasai oleh raja Andalus.

Tinggallah Roderic dalam istana di bandar Toledo menurut cara hidup raja-raja, dan membuka pintu istananya yang besar itu untuk anak orang besar-besar dan panglima-panglima perang yang lazimnya menghantarkan anak masing-masing ke istana supaya dididik secara anak-anak raja dan mendapat kehormatan yang selayaknya.

Adat menghantarkan anak ke istana telah ditetapkan oleh raja-raja di situ dengan tujuan hendak menarik hati orang besar-besar dan kaum bangsawan supaya taat setia dan menjadi penyokong-penyokong yang berguna kelak apabila timbul

pertentangan di antara raja dengan musuhnya selain daripada itu, raja-raja Sepanyol silih berganti, mengambil berat dan memberi segala kemudahan kepada anak-anak orang besar yang tinggal di istana mana-mana anak gadis yang berkahwin di situ akan dihantarkan kepada suaminya dengan sepenuh-penuh kehormatan.

Julian, pegawai daerah (Sebtah) mempunyai seorang anak gadis yang rupawan bernama ((Florinda)) (Florinda). Ayahnya pun mengatur segala persiapan untuk menghantarkan anaknya itu ke istana raja menurut adat mereka turun temurun. Berlayarlah Florinda di laut dalam perjalanannya ke negeri Andalus, lalu diserahkan oleh ayahandanya kepada istana sebagai sebutir mutiara yang tidak ternilai.

Tinggallah Florinda di istana raja di bandar Toledo, dididik dan dibesarkan dalam suasana yang penuh dengan keraian dan kebesaran, ibarat sekuntum bunga yang semerbak harum dan suci murni.

Pada suatu hari, dalam musim panas, Florinda telah turun di taman lalu menuju ke sebuah kolam mandi dalam suatu kawasan yang terlindung dari pandangan mata. Ia pun membuka pakaiannya dengan tidak menyangka bahawa ada orang yang sedang menghindapnya. Orang itu ialah raja Roderic yang khianat, yang tidak mengenal bagaimana sepatutnya sesuatu amanah yang diserahkan kepadanya itu dipelihara dengan sebaik-baiknya.

Florinda telah diperkosa oleh Roderic dengan kejahannya. Berita kejadian itu segera disampaikan oleh Florinda kepada ayahnya dengan sepucuk surat rahsia Julian pun membuka surat anakandanya yang mengandungi berita yang memalukan dan mencalitkan arang di mukanya.

Surat itu dibacanya sedang darahnya mendidih dan matanya merah menyala seolah-olah menyemburkan api pada saat itu kedengaran Julian bersumpah

“Demi agama al-Masih, aku akan hancurkan kerajaan Roderic yang kejam itu!.....”

Julian tidak menunggu lama di Sebtah, pusat pemerintahannya di pantai Afrika, ia pun segera bersiap lalu belayar dalam sebuah kapal yang terbaik sekali di antara beberapa buah kapalnya selalu berulang alik dalam saat itu di antara Afrika utara dengan semenanjung Andalus. Meskipun angin terlalu kencang, dan udara sejuk sekali, kerana masa itu ialah musim sejuk, tetapi Julian tidak dapat bersabar lagi, kerana kedudukan anakandanya menjadikan fikirannya kusut dan marahnya meluap-luap.

Setelah tiba di seberang, ia pun berangkat menurut jalan darat: ke bandar Toledo, untuk mengadap raja Roderic dan berjumpa dengan anakandanya Florinda.

Setibanya di sana dan setelah meminta izin, masuklah Julian mengadap raja. Bertemulah di balai penghadapan: dua lelaki yang berlainan sifat dan keadaan, seorang penceroboh, dan yang seorang lagi ialah yang dicerobohi kehormatannya. Roderic segera bertanya kepada tetamunya itu:

“Apa yang menyebabkan kamu ke mari dalam masa yang seperti ini wahai Julian ? Mudah-mudahan keadaan di wilayah Sebtah berjalan dengan baiknya!”

Julian menjawab sambil menyembunyikan marahnya: “Semuanya adalah baik tuanku, hanya isteri patik di Sebtah sedang sakit tenat dan sangat-sangat rindu. hendak berjumpa dengan Florinda. Ia takut kalau-kalau ia mati sebelum dapat berjumpa dengan anaknya dan telah mendesak supaya patik membawanya balik. Patik tidak tergamak

menghampakan hatinya daripada melihat anaknya yang dikasihi patik pun bersusah payah belayar dalam musim sejuk yang sedemikian ini untuk menyampaikan hajatnya. Patik percaya tuanku akan menolong patik untuk mennyampaikan hajat seorang ibu yang sedang terlantar dalam keadaan sakit tenat.”

Roderic tidak dapat mengelak daripada memenuhi hajat Julian dan membenarkan Florinda dibawa balik untuk berjumpa dengan ibunya.

Florinda dan ayahnya Julian telah dikurniakan dengan hadiah-hadiah yang mahal yang layak dikurniakan oleh seorang raja besar dan kaya raya seperti Roderic. Roderic juga tidak lupa berpesan kepada Florinda supaya menyembunyikan perkara busuk yang telah dilakukannya pada hal perkara itu telahpun diketahui oleh Julian – dan itulah yang menyebabkan dia bersusah payah belayar dan datang mengambil anaknya.

Belayarlah Julian membawa Florinda bersama, sedang di hatinya tersimpan suatu rahsia yang tidak pernah dinyatakannya kepada sesiapa pun. Ia tetap akan menuntut bila apabila sampai saatnya.

Julian pada masa-masa yang lalu lazimnya mempersembahkan burung-burung pilihan kepada Roderic yang sangat gemar memelihara burung dari berbagai-bagai jenisnya. Ketika memberi selamat belayar, Roderic telah berpesan kepada Julian, katanya

“Jangan lupa wahai Julian, apabila kamu datang mengadap kelak, bawalah bersama burung-burung yang kamu biasa persembahkan kepada beta, beta amat gemar membelanya.”

Julian segera menjawab:

“Demi kehormatan al-Masih, patik akan persembahkan kelak burung-burung yang tidak pernah tuanku melihat atau

mendengar bandingannya.”

Jawapan Julian itu diterima bulat-bulat oleh Roderic sebagai satu jawapan biasa yang bersih dari sebarang niat yang lain tetapi, adakah Julian bermaksud dengan yang demikian bahawa ia akan membawa kepada Roderic tentera Arab yang akan menggempur negerinya sebagaimana burung-burung helang menyerang mangsanya? Adakah Julian merahsiakan satu perkara di dalam hatinya bahawa ia akan pergi mendapatkan orang-orang arab dan orang-orang Barbar di negeri Maghribi untuk mengajak mereka menyerang kerajaan Roderic seluruhnya di semenanjung Andalus?

Adalah yang demikian itu kerana ia hendak menuntut bila kehormatannya yang telah dinodai?

Semuanya itu kita ketahui kelak.

* * *

Dalam Perjalanan ke Andalus

Kita sekarang sedang berada di negeri Maghribi, di tepi Laut Afrika Utara setelah kapal yang membawa Julian dan anaknya Florinda kembali ke tempatnya di bandar pelabuhan Sebtah. Orang-orang Arab dari angkatan Musa bin Nusayr kerap kali datang ke bandar Sebtah dan daerah-daerah yang berhampiran dengannya. Mereka sengaja di biarkan tinggal di situ oleh Musa bin Nusayr supaya mereka mengajar rukun Islam kepada orang-orang (Barbar).

Pada suatu hari, Julian keluar untuk menguruskan kerjanya lalu bertemu dengan seorang Arab yang berlainan bentuk rupanya daripada orang-orang Barbar, walaupun kedua-dua bangsa itu telah bersatu dalam agama Islam.

Julian pun bertanya kepada orang Arab itu tentang panglima Musa bin Nusayr dan tentang di mana tempat tinggalnya.

lalu diberitahu bahawa tempatnya ialah di Bandar (al-Qayrawan) (Tunis) dan di situlah pusat pemerintahannya.

((Dapatkan kita berjumpa dengan Amir kamu itu dengan mudah, dan adakah pintu sentiasa terbuka untuk siapa-siapa hendak berjumpa dengannya? Bertanya Julian lagi

“Amir-amir kami tidak menutup pintu kepada siapa-siapa.” - berkata orang Arab itu, “merdeka juga tidak melarang sesiapa untuk berjumpa dengan mereka walau bagaimana keadaan orang itu! Adakah tuan berhajat hendak berjumpa dengan Amir kami?”

“Tidak! Itu hanya satu pertanyaan yang terlintas di hati, walau bagaimana pun saya ucapkan berbanyak-banyak terima kasih.....” jawab Julian.

Mengetahuilah Julian akan tepat kedudukan Musa bin Nusayr, lalu bersiap hendak berjumpa dengannya. Ia pun menyamar dirinya dengan memakai pakaian yang menjadikan dia tidak dapat dikenal, lalu belayar bersama-sama beberapa orang pengiringnya dengan menunggang kuda. Belayarlah mereka meredah daerah pantai Afrika Utara. Perjalanannya amatlah jauh sebagaimana yang dapat dilihat dalam peta bumi.

Setelah sampai, masuklah Julian mengadap Musa bin Nusayr dalam keadaan menyamar diri. Ia sangat-sangat berharap supaya tidak ada siapa-siapa pun yang dapat mengenalnya atau mengetahui akan tujuan kedatangannya Julian pun berkata:

“Tuan-tuan, wahai orang-orang Arab, telah berjaya menjadikan negeri orang (Barbar) dan daerah di seluruh Afrika Utara aman sentosa, walaupun tuan-tuan terpaksa membayar harga yang mahal. Tuan-tuan telah menyebarkan keadilan dalam daerah-daerah negeri Maghribi sehingga saya jiran tuan-tuan yang lemah, yang tinggal di daerah (Sebtah)

berasa kuat tinggal berjiran dengan tuan-tuan dan berlindung di bawah naungan tuanku....”

Tiba-tiba disampuk oleh Musa dengan bertanya:

“Adakah tuan tinggal di (Sebtah) bebas menjalankan urusan tuan, dan berkuasa sendiri menguruskan tanah-tanah tuan?”

“Tidak wahai penghulu orang Arab!” jawab

Julian, “saya hanya seorang ketua pemerintahan daerah itu bagi pihak seorang raja besar yang bersemayam di semenanjung Andalus yang terletak berhadapan dengan pantai Afrika, namanya Roderic.”

“Apa pula kisah dan berita raja yang menguasai kerajaan yang besar itu?” bertanya Musa.

“Dia wahai penghulu orang-orang Arab, ialah sejahat-jahat raja dalam sebuah negeri yang serba baik. Negeri itu mengandungi berbagai-bagai benda yang berguna, tempat-tempat pencarian yang makmur dan tanah-tanah yang subur. Pendeknya negeri itu ialah sebuah syurga yang telah dijadikan oleh Tuhan di atas muka bumi. Sungai-sungainya mengalir, air terpancur dari mata airnya, pokok-pokok buahnya melayut, menunggu orang memetikinya...kesuburan kelihatan pada tiap-tiap kaki tanah-tanahnya. Puputan bayunya menyegarkan pada sebarang masa - malam dan siang. Suasana udaranya sederhana, tidak sejuk dingin dan tidak pula panas membakar, hanyalah hembusan yang menjadikan orang yang sakit segera sembuh. Kalaulah saya hendak menceritakan segala keelokan negeri itu nescaya habislah segala kata-kata yang saya hendak tuturkan.”

Tiba-tiba Musa bin Nusayr berkata:

“Tuan telah menceritakan keadaan negeri itu tetapi tuan tidak pula menceritakan perihal penduduknya?”

“Apa yang saya hendak ceritakan kepada tuan?”

kata Julian, “Raja-raja negeri itu dan daerah sekelilingnya berdengki-dengkian, orang-orang besar pula bermusuh-musuhan, masing-masing hendak menjatuhkan yang lainnya Roderic sendiri telah merampas takhta kerajaan untuk dirinya, kerana putera-putera raja yang berhak dibenci oleh orang ramai kerana zalimnya. Tidak ada sesiapa pun dari pihak warisnya yang berhak yang ada bercita-cita hendak mempertahankan negeri itu. Mereka tidak ada hemah untuk berperang, kerana kepentingan diri telah memecahbelahkan mereka dan melemahkan semangat mereka.”

“Bagaimana pula pendirian tuan sendiri terhadap semuanya ini?” bertanya Musa bin Nusayr.

“Saya?” jawab Julian “saya berpuas hati memegang teraju pemerintahan daerah (Sebtah) yang terletak di pantai Afrika yang tenang tenteram itu. Saya tidak kena mengena dengan raja-raja dan orang-orang besar yang sedang bermusuh-musuhan di seberang. Aduhai! Wahai penghulu orang-orang Arab, kalaulah saya ada senjata dan orang-orang, nescaya saya akan gempur negeri itu dan menguasainya dengan mata pedang!”

Julian terdiam sejeurus, barangkali hendak mendengar apa yang akan dikatakan oleh Musa bin Nusayr, tetapi oleh kerana Musa masih diam, Julian pun berkata:

“Mengapa tuan Amir tidak melanggar negeri itu, sedang tuan cukup lengkap dengan tentera dan senjata? Negeri itu tidaklah sukar bagi tuan menguasainya daripada negeri-negeri Afrika utara yang lain!”

Dengan tujuan hendak mengetahui setakat mana benarnya kata-kata Julian, dan supaya jelas bahawa dia bukanlah seorang

pengintip rahsia, Musa bin Nusayr memberi galakan supaya Julian dengan satu kumpulan dari pengikut-pengikutnya melanggar semenanjung Sepanyol dari daerah (Sebtah) (untuk menguji pertahanan negeri itu.)

Kembalilah Julian ke daerahnya di Sebtah dengan azam hendak melanggar bandar-bandar di pantai semenanjung Andalus setelah ia berpuas hati bahawa rancangan melanggar negeri itu telah mendapat tempat dalam hati panglima Islam, Musa bin Nusayr.

Julian sedia tidak mengetahui bahawa langgarannya itu tidak akan merugikannya, dan ia tidak akan tersentuh sebarang bahaya dari pihak Roderic, raja Sepanyol. Bahkan sebaliknya, ia akan mendapat kepercayaan orang Arab dan dapat membuktikan kepada Musa bin Nusayr bahawa ia tidak mahu tunduk lagi kepada raja Sepanyol.

Julian pun melengkapkan orang-orangnya, dalam dua buah kapal, lalu menyerang selat dan menurunkan orang-orangnya di pantai semenanjung Andalus. Ia telah dapat membunuh pihak penentangannya dan telah tinggal beberapa hari di situ, lalu kembali dengan selamat, dengan membawa orang-orang tawanan dan harta rampasan perang.

Berita langgaran Julian itu menjadikan orang-orang Islam bergembira dan tentulah ada sebabnya yang besar yang menjadikan dia berpaling tadah daripada rajanya.

* * *

Hati Musa bin Nusayr berkobar-kobar dengan hemah-hemah yang besar, hendak membuka negeri Sepanyol yang telah diceritakan oleh Julian. Semenjak ia dilantik menjadi pesuruhjaya di Afrika Utara, ia telah merempuh berbagai-bagai bahaya dan peperangan yang dasyhat di darat, maka

mengapa pula dia tidak merempuh negeri Sepanyol dan menyerang laut, sedang negeri itu hanya terletak berhadapan dengan negeri Maghribi yang sedang dikuasainya?

Ia pun memanggil juru tulisnya lalu merencanakan sepucuk surat kepada khalifah al-Walid bin Abdul Malik di Damsyik, menyampaikan apa yang telah diceritakan oleh Julian tentang keadaan negeri Sepanyol yang menurutnya mudah dikuasai kerana raja dan orang besar-besarnya sedang berpecah belah. Ia telah memohon supaya dibenarkan merempuh negeri yang merupakan sebuah syurga di atas muka bumi, yang memang sedang menunggu orang membukanya. Kalau negeri itu lambat sangat akan dikuasai oleh orang lain, maka mengapa pula orang yang akan menguasainya itu tidak orang Arab?

Sampailah surat itu kepada khalifah, dan kembalilah pembawa surat ke Afrika membawa jawapan khalifah kepada Musa bin Nusayr yang berbunyi: “Janganlah kamu, wahai Musa, merempuh sekaligus dengan segala pasukan tenteramu, tetapi rempuhlah dengan pasukan-pasukan kecil sebagai peninjau, untuk mengetahui kedudukan negeri itu yang sebenarnya. Awas wahai Musa, jangan kamu membawa orang-orang Islam dengan kapal yang berbahaya, atau membiarkan mereka merempuh laut yang berbahaya.”

Musa tidak mendiamkan diri terhadap kata-kata yang menunjukkan kebimbangan khalifah, lalu memanggil juru tulisnya dan merencanakan sepucuk surat lagi kepada khalifah dan menyatakan bahawa ia tidak akan mendedahkan orang-orang Islam kepada bahaya, dan bahawa laut yang menceraikan negeri Maghribi di Afrika dengan semenanjung Andalus di Eropah bukanlah sebuah lautan yang dalam dan besar ombaknya, tetapi ia hanyalah selat yang sempit. Orang yang berdiri di pantai sini dapat melihat orang-orang

yang berdiri di seberang sana.

Surat itu sampai kepada khalifah lalu dibaca tetapi khalifah masih berkeras menghendaki supaya Musa menghantarkan lebih dahulu pasukan-pasukan kecil sebagai tentera peninjau sebelum negeri itu di langgar dengan tentera yang besar sekali gus.

Musa bin Nusayr terpaksa tunduk kepada perintah khalifah al-Walid bin Abdul Malik supaya orang-orang Islam terselamat dari sebarang bahaya. Ia pun memilih salah seorang daripada pengikut-pengikutnya. Orang-orang (Barbar) yang lebih handal dan tahan berperang, bernama (Tarif) mengetahui satu pasukan yang berjumlah empat ratus orang, bersama-sama dengan seratus orang pahlawan berkuda. Empat buah kapal telah disediakan untuk mereka. Pada saat yang sesuai, mereka pun bertolak menyerang selat lalu mendarat di semenanjung Sepanyol di suatu tempat yang terkenal kemudiannya dengan nama (Jazirah Tarif) untuk memperingati peristiwa itu dan mengekalkan kenangan kepada (Tarif), pahlawan Islam yang mula-mula mendarat dengan pasukan kecilnya itu.

Tinggallah (Tarif) beberapa hari di situ sehingga semua pasukannya dapat dihimpunkan di tempat yang satu dari Tarif memulakan gerakan meninjau kedudukan musuh. Ia pun mara terus menyerang lawannya dan menempa kemenangan yang cemerlang. Banyaklah orang-orang tawanan dan harta rampasan perang yang telah dibawa balik bersama.

Bersambung.

Wasiat yang Berharga

“Aku berpesan kepada kamu: Bertakwalah kepada Allah kerana takwa kepada Allah itu menjadi pengganti segala-galanya. Tidak ada sesuatu pun yang akan dapat menggantikan takwa itu beribadatlah untuk akhirat kamu, kerana barang siapa beramal untuk akhiratnya – Allah *Ta’ālā* akan menjayakan urusan dunianya. Perbaikilah keadaan kamu yang tersembunyi, nescaya Allah *Ta’ālā* memperbaiki keadaan kamu yang nyata. Perbanyakkanlah kamu menyebut-nyebut akan mati, dan bersedialah menghadapinya dengan sebaik-baiknya...

“Ketahuilah! Barang siapa taat kepada Allah: Wajiblah ia ditaati, dan barang siapa membuat maksiat kepada Allah maka tidaklah boleh ditaati. Taatlah kepada aku selagi aku taat kepada Allah dalam menjalankan hukum, tetapi kalau aku melakukan maksiat kepada Allah maka tidaklah aku berhak supaya kamu berlaku taat kepada aku.

“Aku berkata ini, dan aku sertakan dengan meminta ampun kepada Allah *Ta’ālā* bagi diriku dan bagi kamu juga.”

- Kata Umar bin Abdul Aziz

Khalifah Islam yang masyhur